

Merokok di kawasan larangan, lelaki dipenjara tiga minggu

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhkan hukuman penjara tiga minggu atas kesalahan merokok di kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Menurut Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching, tertuduh yang mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Kuching diarahkan menjalani hukuman bermula semalam.

Difahamkan pengakuan tertuduh dibuat selepas kesalahan itu dibacakan ke atasnya oleh Majistret Ling Hui Chuan.

"Mengikut fakta kes, kejadian berlaku pada 11 Jun 2024 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di mana tertuduh ditangkap merokok di kawasan larangan merokok pada jam 8.13 malam.

"Susulan itu, Unit Inspektorat dan Perundangan, Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching juga telah mengeluarkan notis memerintahkan kehadiran lelaki itu di mahkamah (Notis di Bawah seksyen 32B) Akta Makanan 1983 mengikut Peraturan 11(1)(g) Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Tambahnya, tertuduh diberi masa dua bulan untuk hadir di mana-mana pejabat kesihatan untuk ditawarkan kompaun.

"Namun, tertuduh tidak menghadirkan diri sehingga tempoh pembayaran kompaun tamat pada Ogos 2024," katanya.

Rentetan itu, tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di mana hukuman penjara tiga minggu telah dijatuhkan ke atasnya.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Mohd Fairos Ibrahim dari Unit Inspektorat dan Perundangan, Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

Merokok di kawasan larangan, lelaki dipenjara tiga minggu

► Dari Muka 1

“Pegawai pendakwa membuat pemberatan dengan hujahan bahawa kes ini telah diberi peluang selama dua bulan untuk ditawarkan

kompaun dan menjelaskan kompaun selain boleh membuat rayuan pengurangan bayaran kompaun akan tetapi peluang itu tidak digunakan sebaiknya dan hanya mendiadakan diri.

“Sehubungan itu, pegawai pendakwa memohon kepada majistret agar hukuman yang setimpal dikenakan kepada tertuduh sebagai pengajaran kepada orang ramai agar tidak ber-

sikap sambil lewa terhadap akta dan peraturan yang berkaitan dengan larangan merokok di tempat awam yang telah digazetkan sebagai kawasan larangan merokok,” ujarnya.